



BULETIN MPSPK

Edisi 2019 Vol 2

KEDAH AMAN MAKMUR - HARAPAN BERSAMA MAKMURKAN KEDAH

Edaran Percuma

www.mpspk.gov.my

MAJLIS PERBANDARAN SUNGAI PETANI
Sungai Petani Municipal Council



EDITORIAL

Pengerusi/Penaung
Tuan Haji Mohd Fauzi bin Mustaffa
AMK.,BCK.,
Yang Dipertua, MPSPK

Penasihat
Sunifa binti Abdul Aziz
AMK., BCK.,
Setiausaha, MPSPK

Editor
Faten binti Sobri
Ketua Bahagian Perhubungan Awam & Korporat

Penulisan
Ainul Basyirah binti Mohd Amin (pelatih UUM)
Nur Firza binti Abd Aziz (pembaca prof)

Arahan Seni & Fotografi
Armin Anuar



MPSPK

Majlis Perbandaran Sungai Petani
Jalan Patani,
08000 Sungai Petani, Kedah Darul Aman

Tel 04-4296666
Faks 04-4296655/56
Aduan 04-4296700
<http://www.mpspk.gov.my/>
<http://eaduan.mpspk.gov.my/>
<https://www.facebook.com/Majlis-Perbandaran-Sungai-Petani>
<http://www.youtube.com/Majlis-Perbandaran-Sungai-Petani>

Buletin ini diterbitkan oleh
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM & KORPORAT



ISI KANDUNGAN

- 01 Editorial
- 02 Perutusan Yang Dipertua
- 03 Berita Ringkas
- 04 Asia Pacific Urban Forum ke-7
- 06 Larian Bukit H
- 08 Majlis Jamuan Hari Raya Aidilfitri MPSPK 2019
- 10 SP 3 in 1 Golf Challenge 2019
- 12 Sambutan Hari Kebangsaan Peringkat Negeri Kedah
- 14 Kejohanan Sukan PBT @ Majlis Perbandaran Kubang Pasu
- 16 Karnival Rapat Rakyat
- 17 Perasmian Ujana Perbandaran Sg. Petani
- 18 Ragam MPSPK

KEMPEN BAYAR CUKAI PINTU
MAJLIS PERBANDARAN SUNGAI PETANI
KEDAH DARUL AMAN

SnapNPay

"Sayangi SP, Cukai pintu tanggungjawab bersama"

04-4296608 / 6605 / 6609

- Muat turun aplikasi SnapNPay di Google Play atau Apple App Store
- Pilih Menu Home
- Klik Pembayaran Pihak Berkuasa Tempatan
- Klik KEDAH dan pilih MPSPK bagi pembayaran cukai pintu bagi kawasan SUNGAI PETANI
- Imbas QR Code pada bil
- Klik SILA PILIH untuk pemilihan jenis bank
- Pilih BANK dan masukkan ID dan KATA LALUAN perbankan internet anda

Assalamualaikum wrt dan salam sejahtera!

Sekalung tahniah diucapkan kepada sidang redaksi MPSPK kerana usaha dan kerjasama yang baik daripada semua pihak buletin edisi 2/2019 dapat diterbitkan dan alhamdulillah kita masih lagi diberi peluang dan kesempatan serta kurniaan dari-Nya segala aktiviti serta perkhidmatan dapat lagi disediakan sehingga ke hari ini.

Di kesempatan pada kali ini, ingin saya nyatakan bahawa di kala usia kita yang semakin meningkat, kesihatan perlu menjadi keutamaan. Oleh itu, pelbagai aktiviti kesukanan telah berlangsung sepanjang tahun 2019 bermula pada bulan Jun sehingga Disember.

Pelbagai peringkat sukan diketengahkan oleh MPSPK bagi memastikan semua masyarakat dapat menyertai dan melibatkan diri selain dapat mencungkil bakat-bakat baru.

Antara aktiviti sukan yang telah dianjurkan adalah seperti golf, sukan rakyat yang merangkumi sepak takraw, tarik tali, bola sepak dan lain-lain lagi sukan yang diadakan termasuk di peringkat kanak-kanak.

Selain itu, Kejohanan Sukan Pihak Berkuasa Tempatan merupakan sukan dwi tahunan antara semua PBT Kedah yang diadakan bertujuan untuk mengeratkan hubungan silaturahim sesama PBT serta memberi ruang dan peluang kepada kakitangan PBT untuk beriadah dan menunjukkan bakat yang sedia ada. Semangat kesukanan yang ditonjolkan oleh para peserta sedikit sebanyak dapat memupuk kesedaran untuk meningkatkan tahap kesihatan yang perlu di titikberatkan dalam kehidupan seharian.

Kesihatan yang baik dapat melahirkan insan yang cemerlang dan sentiasa aktif dalam memberikan perkhidmatan. Harapan saya agar semua warga kerja MPSPK sentiasa menjaga kesihatan dan jadikan 'berpeluh untuk 30 minit' dapat mengubah kehidupan yang lebih baik untuk 30 tahun akan datang.

Sekian, daripada saya dan terima kasih kepada semua warga kerja MPSPK.

Tuan Haji Mohd Fauzi bin Mustaffa
AMK.,BCK.
Yang Dipertua,
Majlis Perbandaran Sungai Petani

INFO/TALIAN MPSPK

SALURKAN ADUAN ANDA MELALUI APLIKASI "WHATSAPP"

ADUAN MPSPK
BAGAIMANA ADUAN BOLEH DIBUAT?

CARA MENGHANTAR ADUAN MELALUI APLIKASI WHATSAPP MPSPK

- Sila sertakan nama anda.
- Sertakan alamat kediaman anda.
- Kenalpasti lokasi aduan. Contoh: lorong/berhampiran.
- Bulatkan aduan. Contoh: Mahang penebangan pakak.
- Hantar ke: 013-4287700

Aduan yang tidak menepati ciri-ciri di atas tidak akan dilayan.

- 01 JABATAN KHIDMAT PENGURUSAN 04-429 6770
- 02 JABATAN KEWANGAN 04-429 6754
- 03 JABATAN PENILAIAN & PENGURUSAN HARTA 04-429 6701
- 04 JABATAN PERANCANG BANDAR 04-429 6652
- 05 JABATAN KEJURUTERAAN 04-429 6629
- 06 JABATAN KESIHATAN PERSEKITARAN 04-429 6738
- 07 JABATAN PEMBANGUNAN MASYARAKAT 04-429 6774
- 08 JABATAN LANSKAP & REKREASI 04-429 6787
- 09 JABATAN PENGUATKUASAAN 04-429 6780
- 10 JABATAN BANGUNAN 04-429 6676

TERIMA KASIH

KEPADA PEMILIK HARTA YANG TELAH MENJELASKAN CUKAI TAKSIRAN ANDA UNTUK TAHUN 2019

© Hakcipta Terpelihara 2019 MPSPK
Penerbitan ini boleh diterbitkan semula keseluruhan dan sebahagiannya bagi tujuan pendidikan atau tujuan-tujuan yang tidak memberi keuntungan tanpa persetujuan daripada pemilik hakcipta, dengan syarat penghargaan diberi kepada sumber berkenaan dan senarai terbitan yang menggunakan terbitan ini sebagai sumber dikemukakan ke Majlis Perbandaran Sungai Petani. Terbitan ini tidak boleh diterbitkan untuk tujuan atau apa-apa tujuan perniagaan tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis daripada Majlis Perbandaran Sungai Petani.

Segala hasil penulisan dan fotografi adalah hakmilik Majlis Perbandaran Sungai Petani.

PROGRAM PEMENTORAN PEJ. SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI KEDAH



10/11/2019
Majestic Hall, Hotel Royale Signature, Alor Setar, Kedah

Pengarah Jabatan Kewangan, Puan Adoni Suhaila binti Mustafa dan Ketua Bahagian Hasil, Encik Anuar bin Ramli telah dianugerahkan Mentor dan Mentee terbaik bagi tahun 2019 sempena Program Pementoran Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah 2019.

ia adalah merupakan program yang dibangunkan di bawah Sistem Pembangunan Sumber Manusia yang mula

dijalankan selama 6 bulan dari 1 Mac hingga 31 Ogos 2019 melalui pemantauan laporan dan penilaian yang dibuat secara atas talian.

Program ini bertujuan untuk pembangunan modal insan yang lestari dan menggalakkan pembudayaan pembelajaran berterusan.

Seramai 40 pasangan mentor/mentee melibatkan 83 orang anggota dari pelbagai agensi kerajaan yang dicalonkan menjalani program tersebut di mana pemilihan pegawai adalah berdasarkan syarat - syarat yang ditetapkan oleh penganjur program.



Hari Konservasi Ekosistem Hutan Paya Laut Antarabangsa



17/10/2019
Pusat Interpretasi Pelancongan Kompleks Jeti Semeling, Merbok

Hutan paya laut mempunyai peranan penting dalam ekosistem kita, termasuk bagi tujuan kestabilan iklim dan benteng semulajadi daripada angin kencang dan ombak kuat dari laut.

Kementerian Air, Tanah & Sumber Asli (KATS) bersama-sama Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM) dan Kerajaan Negeri Kedah telah menganjurkan Majlis Sambutan Hari Konservasi Ekosistem Hutan Paya Laut Antarabangsa Peringkat Kebangsaan 2019 .

Majlis disempurnakan Menteri Besar Kedah Dato' Seri Utama Hj. Mukhriz Tun Mahathir & Menteri KATS YB Dr. Xavier Jayakumar.

Executive Talk bersama YB Setiausaha Negeri Kedah



23/07/2019
Dewan Kenangan, Menara MPSPK

Jabatan Integriti dan Tadbir Urus Negeri Kedah Darul Aman (JITU) menganjurkan Program "Executive Talk" Yang Berhormat Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah bersama Penjawat Awam Negeri Kedah bertempat di Dewan Kenangan MPSPK.

Yang Berhormat Setiausaha Negeri Kedah Dato' Paduka Ammar bin Dato' Shaikh Mahmood Naim memberi ucapan dan taklimat kepada 1,500 penjawat awam negeri Kedah mengenai pelaksanaan projek-projek pembangunan kerajaan Negeri Kedah (BPEN) serta pelaksanaan program/maklumat terkini dasar dan polisi berkaitan pengukuhan Integriti Penjawat Awam (JITU Kedah).



Forum Asia-Pasifik Ke - 7 (APUF 7)

SETIA Spice Convention Centre, Pulau Pinang
15 -17 Oktober 2019
*fotografi: URBANICE MALAYSIA

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah pun selamat menganjurkan Konvensyen Pemeraksanaan PBT yang berselari dengan Persidangan Asia Pacific Urban Forum ke-7 (APUF7) dengan kerjasama pihak United Nations Economic and Social Commission for Asia and the Pacific (UN-ESCAP) dan United Nations Human Settlements Programme (UN-Habitat).

Kerajaan Negeri Pulau Pinang serta Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) terpilih selaku host city kerana inisiatif ke depan dalam penyelesaian isu bandar, masalah perumahan rakyat dan komuniti, pengangkutan awam, alam sekitar dan kemampunan.



Persidangan ini juga menyasarkan bilangan peserta melebihi 7,000 orang melalui penyertaan dalam kalangan negara-negara Asia Pasifik yang terdiri daripada ketua delegasi negara dari 53 buah negara anggota, pemegang taruh, ahli akademik, pakar perbandaran, badan bukan kerajaan dan orang awam.

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Zuraida Kamaruddin berkata Konvensyen Pemeraksanaan PBT diadakan sekali dengan APUF untuk memastikan bahawa Pentadbir Bandar, Ahli Majlis di PBT dan lain-lain profesional kakitangan dapat mempelajari sesuatu hasil daripada perkongsian pengetahuan oleh penceramah-penceramah dari dalam dan luar negara.





MPSPK I LOVE HIKING BUKIT H 2019

MPSPK Love Hiking Bukit H
15/6/2019
Sekolah Menengah Kebangsaan Sg. Pasir
Fotografi: Imran Saaid JPM MPSPK

Program ini berjaya menerima jumlah seramai 567 penyertaan yang dibahagikan kepada empat kategori iaitu (A) Lelaki Terbuka, (B) Wanita Terbuka, (C) Pelajar Lelaki dan (D) Pelajar Wanita.

Pelbagai insentif menarik turut disediakan untuk acara ini termasuk piala, T-shirt, sijil, refreshment, gelang tangan, nombor bib dan cabutan bertuah. Hadiah disampaikan oleh YDP MPSPK Tuan Haji Mohd Fauzi Mustafa dan Puan Setiausaha MPSPK Sunita bt Abdul Aziz.

Larian ini bertujuan untuk mempromosikan Sungai Petani sebagai bandar tarikan pelari dan pengembara. Pada masa yang sama, program seperti ini mampu menjadi pemangkin untuk menarik pelancong dan orang luar untuk melawat kawasan rekreasi popular sekitar Daerah Kuala Muda.



Larian ini terbuka kepada semua golongan masyarakat berumur 7 tahun ke atas. Seawal jam 7 pagi, larian bermula dari SMK Sungai Pasir dan diteruskan hingga ke Bukit H yang berjarak kira-kira 7km. Bukit H adalah nama gelaran popular di kalangan penduduk tempatan Taman Semarak. Satu pusingan laluan adalah sejauh 3.2km selain memiliki ketinggian 156 meter. Pendakian untuk laluan bukit ini terbuka kepada semua peringkat kemahiran.



1. Gaya penuh semangat salah seorang pelari dewasa ketika mahu memulakan pendakian Bukit H.
2. Pemenang hadiah utama cabutan bertuah menerima sebuah TV LED 32" jenama Philips. Tahniah diucapkan!!
3. Keriangan serta keceriaan terpancar pada wajah semua peserta yang berjaya menamatkan larian mereka. Sijil penyertaan/medal dijulung tinggi sebagai tanda bukti penamat kepada cabaran aktiviti larian hujung minggu. Syabas kepada semua!!



MAJLIS JAMUAN HARI RAYA AIDILFITRI MPSPK 2019

Majlis Jamuan Hari Raya Aidilfitri MPSPK
20/6/2019
Dewan Kenangan, Menara MPSPK

Seramai 1,000 warga kerja MPSPK, agensi kerajaan, kontraktor dan orang awam hadir memeriahkan majlis sambutan Hari Raya Aidilfitri MPSPK 2019.

Majlis yang berlangsung di Dewan Kenangan, MPSPK itu diserikan dengan kehadiran beberapa mantan Setiausaha dan Yang Dipertua seperti Dr. Fadzil bin Abdul Kadir, Datuk Haji Ismail bin Said dan Encik Radzuan bin Osman.

Turut hadir memeriahkan majlis adalah Pegawai Daerah Kuala Muda, Tuan Haji Md. Nordin bin Yahya, YB Encik Ooi Tze Min serta YB Dato' Johari Abdul.



Majlis yang dianjurkan secara bersama dengan Kelab Sukan dan Kebajikan (KESUKEM) serta kerjasama dari semua jabatan dan bahagian dalaman MPSPK.

Saban tahun majlis jamuan ini bertujuan untuk membuka ruang kepada warga kerja MPSPK dan pelbagai agensi awam & swasta serta orang ramai beramah mesra serta mengeratkan jalinan silaturahim di antara satu sama lain.

Pelbagai hidangan enak dan menarik disajikan pada majlis ini. Antara yang menjadi pilihan ramai adalah kambing bakar golek dan satay istimewa dari Semeling. Yang di Pertua, Tuan Haji Mohd Fauzi Mustaffa dan Setiausaha, Puan Sunita Abdul Aziz turut memberikan duit hari raya kepada semua kanak-kanak yang hadir.



1. Mantan YDP Datuk Haji Ismail bin Said, Pegawai Daerah Kuala Muda, Tuan Haji Md. Nordin Yahya bergambar kenangan bersama Yang Di Pertua MPSPK Tuan Haji Mohd Fauzi Mustaffa.



2. Ketua Jabatan Landskap Encik Muhammad Hasrun Ahmad tak ketinggalan merakamkan gambar pose istimewa bersama kakitangan utama Jabatan Landskap.

3. Setiausaha, Puan Sunita Abd Aziz memberikan duit raya kepada pengunjung kanak-kanak yang hadir pada majlis jamuan Aidilfitri MPSPK.



SP 3 IN 1 GOLF CHALLENGE 2019

20/7/2019
Cinta Sayang Resort, Permaipura Golf & Country Club, Harvard Golf & Country Club

Turut sama hadir memeriahkan kejohanan golf ini adalah Pegawai Kewangan Negeri, Tuan Pegawai Daerah, Tuan Yang Dipertua MPSPK, Puan Setiausaha MPSPK, Pegawai-pegawai tertinggi Kerajaan Negeri Kedah serta warga kerja MPSPK.



MPSPK buat julung kalinya telah menganjurkan kejohanan cabaran SP 3 in 1 Golf Challenge 2019 yang melibatkan tiga lokasi pertandingan iaitu di Cinta Sayang Resort, Permaipura Golf and Country Club dan Harvard Golf and Country Club.

Kejohanan ini disertai oleh 240 peserta dari beberapa buah negeri di Semenanjung Malaysia.

Duli Yang Teramat Mulia Raja Muda Kedah, Tengku Sarafudin Badlishah Ibni Sultan Sallehuddin turun mencemar duli untuk menyertai pertandingan Golf ini.



1. Ramai tetamu jemputan terhibur dengan tiupan saksafon lunak oleh pemuzik handalan Wan Andre.

2. Raja Muda Kedah, Tengku Sarafudin Badlishah Ibni Sultan Sallehuddin memamakan badan sebelum melepaskan pukulan.

3. YDP Tuan Haji Mohd Fauzi Mustaffa memberikan cenderahati fotografi berkumpulan kepada tetamu kehormat Raja Muda Kedah, Tengku Sarafudin Badlishah Ibni Sultan Sallehuddin sebagai tanda ingatan.



SAMBUTAN HARI KEBANGSAAN 2019

Peringkat Negeri Kedah, Dataran Medan Bandar, Alor Setar
31/8/2019 fotografi: Nur Halimi Harun

Sultan Kedah, Al Aminul Karim Sultan Sallehuddin Sultan Badlishah dengan diiringi Sultanah Kedah, Sultanah Maliha Tengku Ariff berkenan berangkat menyaksikan sambutan kira-kira jam 9.30 pagi.

Sultan Sallehuddin turut berkenan memeriksa kawalan kehormatan utama Batalion Ke-6 Regimen Askar Melayu Diraja (RAMD) Kem Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah, Jitra dalam Sambutan Hari Kebangsaan ke-62 ini.

Kira-kira 5,000 peserta terdiri daripada 108 kontinjen dari pelbagai agensi termasuk agensi kerajaan dan swasta, pertubuhan bukan kerajaan (NGO), pasukan berpakaian seragam, universiti dan sekolah mengambil bahagian dalam perarakan itu. Sekalung tahniah diucapkan kepada kontinjen MPSPK kerana berjaya merangkul gelaran Naib Johan bagi kategori badan berkanun.



Seramai 10,000 penduduk dari seluruh daerah membanjiri bandar raya Alor Setar demi menyaksikan Istiadat Perbarisan dan Perarakan Hari Kebangsaan 2019 Peringkat Negeri Kedah di Dataran Medan Bandar.

Orang awam sudah mulai kelihatan berkumpul seawal jam 7 pagi di sepanjang laluan dari Pekan Melayu hingga ke Dataran Medan Bandar.

Kontinjen MPSPK yang sebahagian besarnya adalah dari Jabatan Penguatkuasaan kelihatan segak bergaya dengan pakaian tradisi Melayu bertema Jalur Gemilang.



1. Tahniah kepada kontinjen perbarisan MPSPK. YDP Tuan Haji Mohd Fauzi Mustaffa tidak melepaskan peluang berswafoto & berkongsi kegembiraan bersama-sama kontinjen.

2. Aksi anggota Bomba gagah perkasa yang turut mencuri perhatian penonton di acara perbarisan.

3. Jalur Gemilang adalah bendera wajib untuk setiap kontinjen perbarisan Hari Kebangsaan.





KEJOHANAN SUKAN PIHAK BERKUASA TEMPATAN

Majlis Perbandaran Kubang Pasu
19-21/11/2019



Sukan dwitahunan PBT kali ini diadakan di Kubang Pasu dengan Majlis Perbandaran Kubang Pasu terpilih sebagai tuan rumah SKT tahun 2019.

Seramai 12 wakil pasukan dari MPSPK terpilih bagi mengambil bahagian di dalam acara seperti bola sepak, bola tampar, badminton, ping pong, tarik tali, sepak takraw, congkak, batu seremban, petanque, karam, dart dan dam haji

Sebanyak 1,400 atlet dari 12 PBT di seluruh negeri ini mengambil bahagian dengan menyaksikan MPSPK diwakili oleh kontinjen seramai 134 orang.

Pengerusi Jawatankuasa Tetap Industri & Pelaburan, Kerajaan Tempatan Perumahan, Sr. Tan Kok Yew hadir merasmikan acara pembukaan kali ini. Turut hadir pada malam perasmian adalah Pegawai Kewangan Negeri, Dato' Isahak Murat, Setiausaha Bahagian Khidmat Pengurusan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri, Tunku Iskandar Shah Tunku Muszaffar Shah dan Yang Dipertua Majlis Perbandaran Kubang Pasu, Dato' Mohd Fisol Md Noh.

Sepanjang tempoh sukan ini dijalankan, kontinjen MPSPK telah berjaya mengutip 1 pingat emas yang disumbangkan menerusi pasukan tarik tali, 3 perak daripada acara sukan dam haji, ping pong dan congkak manakala bola sepak dan dart masing-masing menyumbang pingat gangsa menjadikan keseluruhan pingat yang dikumpul adalah sebanyak 11. MPSPK menduduki tempat keempat dalam carta kedudukan keseluruhan SKT 2019.

Menang dan kalah merupakan adat pertandingan. Semestinya SKT kali ini banyak membawa memori suka dan duka bagi kontinjen MPSPK.

Penganjuran Kejohanan Sukan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) Negeri Kedah yang memasuki edisi kelima tahun ini diharap mampu menjadi pemangkin semangat kepada semua pihak terlibat untuk memberi perkhidmatan lebih baik kepada rakyat.



1. Barisan pemain Batu Seremban berfoto kenangan bersama Setiausaha MPSPK, Puan Sunita bt Abdul Aziz.
2. Pasukan utama Bola Tampar bersedia untuk masuk gelangang.
3. Kemesraan serta ikatan silaturahmi jelas terbentuk di antara pemain Dart Majlis Daerah Bandar Baharu dan MPSPK. Semangat kesukanan yang tinggi tanpa sebarang perbalahan.



KARNIVAL RAPAT RAKYAT & TOURISM FAIR 2019

Dewan Kenangan, Menara MPSPK
23-24/11/2019



Program yang julung kali dianjurkan oleh Jabatan Pembangunan Masyarakat ini disambut dengan meriah dan jayanya sepanjang 2 hari karnival berlangsung. Karnival ini bertujuan untuk mengeratkan perpaduan dan hubungan antara masyarakat serta pemimpin di samping mendorong masyarakat untuk menyertai aktiviti-aktiviti pelancongan, sukan, ekonomi dan keusahawanan.

Hari pertama karnival ini dihadiri oleh YB Asmirul Anuar bin Aris, Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Seni & Budaya, Belia dan Sukan Negeri Kedah darul Aman dan turut dihadiri oleh Dato Haji Nordin bin Yahya, Pegawai Daerah Kuala Muda.



Hari Kedua Karnival pula dirasmikan oleh YB Sr. Tan Kok Yew selaku Pengerusi Jawatankuasa Industri dan Pelaburan, Kerajaan Tempatan dan Perumahan.

Sepanjang dua hari Karnival Rapat Rakyat & Kuala Muda Tourism Fair berlangsung, pelbagai aktiviti, sukan dan riadah telah mengambil tempat di pelbagai lokasi sekitar MPSPK. Antaranya ialah SP Solidarity Fun Ride, Pushbike, Karaoke, Beyblade, Pertandingan Gubahan Pulut Kuning, Pertunjukan Fesyen, Pertandingan kucing tercantik dan pertandingan permainan Mini 4WD.

Tidak ketinggalan, acara sukan seperti bola sepak, hoki, karom, tarik tali dan sepak raga tuju yang sentiasa mendapat sambutan yang hangat.

Selain itu, Majlis Penyampaian sumbangan kepada rakyat (OKU, ibu tunggal, fakir miskin dan anak yatim), Sesi Town-hall dan Bicara Pelancongan, kempen derma darah, Forum Warisan, Pameran Robotik serta pameran-pameran dari pelbagai agensi turut berlangsung di dalam Dewan Kenangan.



1. Terpancar kegembiraan pasukan juara Pertandingan Sepak Raga Tuju yang dimenangi oleh Pasukan Sentua dari Alor Setar.
2. Bahagian Perancang Ekonomi dari Pejabat Kerajaan Negeri turut ada membuka booth penerangan di majlis ini.
3. Para peserta Pertandingan Gubahan Pulut Kuning sedang fokus di dalam menyiapkan gubahan yang paling kreatif.



MAJLIS PERASMIAN UJANA PERBANDARAN SUNGAI PETANI KEDAH DARUL AMAN



ANUGERAH UJANA PERBANDARAN

- Pemenang Anugerah Platinum bagi kategori Outdoor Public Space Category (Urban Park) oleh Malaysia Institute of Planners (MIP)
- Pemenang untuk kategori Professional Landscape Analysis & Study Awards oleh Institut Arkitek Lanskap Malaysia (ILAM)

Majlis Perasmian Ujana Perbandaran Sg. Petani

Puteri Hillpark, Bandar Puteri Jaya
30/11/2019



Jabatan Landskap Negara dengan kerjasama Jabatan Lanskap dan Rekreasi MPSPK berjaya membangunkan sebuah taman awam yang berfungsi dan komprehensif untuk rakyat Sungai Petani. Bagi tempoh Rancangan Malaysia ke-11, Jabatan Landskap Negara telah memperuntukkan bajet landskap sebanyak RM22,211,392.63 kepada Negeri Kedah.

YB Tuan Haji Khalid Abd. Samad Menteri Wilayah Persekutuan merasmikan Ujana Perbandaran Sungai Petani pada pagi tersebut. Majlis perasmian menyaksikan penyerahan replika kunci taman daripada YB Tuan Haji Khalid Abd. Samad kepada YB Encik Ooi Tze Min, EXCO Hal Ehwal Masyarakat Cina dan Siam, Sains dan Teknologi, Perubahan Iklim dan Alam Sekitar Kedah (wakil YAB Dato' Seri Utama Menteri Besar Kedah)

Turut sama hadir menyerikan majlis adalah Ketua Pengarah Landskap Negara, Puan Rotina bt Mohd Daik, Pegawai Daerah Kuala Muda, Tuan Haji Md. Nordin bin Yahya, Yang Dipertua MPSPK, Tuan Haji Mohd Fauzi bin Mustaffa, Setiausaha MPSPK, Puan Sunita bt Abdul Aziz, Ahli-Ahli Majlis MPSPK, pegawai-pegawai kerajaan, kakitangan dalaman MPSPK dan penduduk-penduduk sekitar kawasan.

Taman ini berkeluasan 11.8 hektar dengan nilai peruntukan sebanyak RM11,050,000 dikelilingi dengan kawasan perumahan dan pusat perniagaan Bandar Puteri Jaya. Menerapkan konsep *Restorative and Healing Environment* iaitu menyediakan kemudahan rekreasi serta membaikpulih kawasan tanah terganggu di atas tapak yang telah dicemari akibat aktiviti pembinaan.



24 orang telah mengangkat sumpah sebagai Ahli MPSPK. 2 lantikan baru telah dibuat. Pilihan terkini AMI Majlis Perbandaran Sungai Petani. Majlis Perbandaran Sungai Petani telah mengadakan hasil kerjasama dengan Jabatan Khidmat Pengurusan, Majlis Perbandaran Kubang Pasu, MPSPK dan kakitangan eksekutif Majlis Perbandaran Sungai Petani di 3 SP Plaza. Tidak lupa pihak media.



IKON KUALA MUDA



ESTUARI SUNGAI MERBOK

- Habitat paya bakau yang unik kerana memiliki 41 spesies pokok bakau daripada 60 spesies bakau dunia.
- Lokasi: Kompleks Interpretasi Pelancongan Jeti Semeling.
- Berkeluasan 3,000 hektar sebagai Rizab Biosfera UNESCO.

1. Jasamu dikenang. Selamat bersara kepada bekas Pegawai Daerah Kuala Muda Tuan Haji Md. Nordin bin Yahya.
2. Hiasan pulut yang paling kreatif dari Pejabat Daerah Kuala Muda...!!
3. YB Sr. Tan Kok Yew menyerahkan cenderahati kepada Datuk Bandar MBSP Dato' Sr. Haji Rozali bin Haji Mohamud yang disaksikan oleh YDP Tuan Haji Mohd Fauzi bin Mustaffa.

4. Segala perih jerih dan usaha keras pasukan tarik tali MPSPK berbuah juga akhirnya. Setelah mengharungi pelbagai kontroversi, pasukan tarik tali MPSPK diiktiraf sebagai juara tarik tali pada acara Sukan PBT 2019 di Majlis Perbandaran Kubang Pasu. Tahni-ah Pasukan Tarik Tali MPSPK...!!

Info Direktori

Sekitar Sungai Petani

| | |
|------------------------------------|--------------|
| Jabatan Alam Sekitar (JAS) | 044235633 |
| Jabatan Kerja Raya (JKR) | 044214040/42 |
| Jabatan Pengairan & Saliran | 044212209 |
| Jabatan Pendaftaran Negara | 044216391 |
| Jabatan Penerangan | 044211621 |
| Jabatan Bekalan Air | 044210848 |
| Pejabat Daerah | 044211963 |
| Pejabat Tanah | 044212122 |
| IPD Daerah Kuala Muda | 044236999 |
| Aduan Jabatan Kerja Air | 044217606 |
| Biro Pengaduan Awam (Pulau Pinang) | 042636893 |
| Jab. Pertahanan Awam (JPAM) | 044233193 |
| Bomba Sungai Petani | 044214444 |



Masjid Sultan Muzaffar Shah, Sungai Petani

MPSPK

Majlis Perbandaran Sungai Petani
Sungai Petani Municipal Council
08000 Sungai Petani, Kedah Darul Aman

Tel | 604-429 6666 / 429 6700
Fax | 604-429 6655
Web | www.mpspk.gov.my
Email | admin@mpspk.gov.my

"TRANSFORMASI KE ARAH KECEMERLANGAN"

© Hakcipta Terpelihara 2019 MPSPK

Penerbitan ini boleh diterbitkan semula, keseluruhan dan sebahagiannya bagi tujuan pendidikan atau tujuan-tujuan yang tidak memberi keuntungan tanpa persetujuan daripada pemilik hakcipta, dengan syarat penghargaan diberi kepada sumber berkenaan dan senaskhah terbitan yang menggunakan terbitan ini sebagai sumber dikemukakan ke Majlis Perbandaran Sungai Petani. Terbitan ini tidak boleh diterbitkan untuk jualan atau untuk apa-apa tujuan perniagaan tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis daripada Majlis Perbandaran Sungai Petani.

Segala hasil penulisan dan fotografi adalah hakmilik Majlis Perbandaran Sungai Petani.

Diterbitkan oleh Bahagian Perhubungan Awam & Korporat, Majlis Perbandaran Sungai Petani.